

TERMIGARD 38.7 EC ialah racun anai-anai daripada kumpulan 'organophosphate' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN : Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

PEROSAK	KAWASAN	KADAR RACUN/ 10 LITER AIR	CARA PENGGUNAAN
Anai-anai (<i>Coptotermes gestroi</i> , <i>Coptotermes curvignathus</i>)	Tanah Tapak Pembinaan (Sebelum Pembinaan)	130 ml	Sembur banchuan pada semua sisi lubang asas dan tanah yang telah digali. Kadar banchuan : 5L / m ²
	Tanah Tapak Pembinaan (Selepas Pembinaan)	130 ml	Sebelum memasang lantai, sembur banchuan pada permukaan tanah. Kadar banchuan : 5L / m ²
Anai-anai (<i>Coptotermes gestroi</i> , <i>Coptotermes curvignathus</i>)	Tanah Tapak Pembinaan (Selepas Pembinaan)	130 ml	Buatkan lubang-lubang suntik dengan jarak 40-60 cm di antara satu dengan lain. Suntik banchuan dengan menggunakan alat penyuntik. Kadar banchuan : 6L / m panjang asas bangunan.

Panduan Membancuh :

Disyor menggunakan alat penyembur galas bernozel 'Solid-Cone'. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **TERMIGARD 38.7 EC** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan banchuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi dari yang disyorkan. Jangan simpan baki banchuan **TERMIGARD 38.7 EC** di dalam tangki alat penyembur.

Panduan Menyembur :

Rawatan untuk anai-anai dalam tanah dilakukan sebelum atau selepas pembinaan sebagai pelindung struktur bangunan. Pemeriksaan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun untuk mengesan serangan semula.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

AWAS : a) Bahaya Kepada Manusia : Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap dan kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur dan penyuntik sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan : Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan.

b) Bahaya Pada Alam Sekitar : Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN :

Pandangan kabur, sesak nafas, mual, kejang otot, anak mata menjadi kecil, besar ludah dan sawan.

RAWATAN KECEMASAN :

Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN :

Chlorpyrifos ialah penghalang kolinesterase. Suntik Atropina sulfat (2-4 mg) secara intravena atau intraotot dan ulang setiap 30 minit sehingga pesakit itu pulih dengan sepenuhnya. Kemudian suntik pralidoksim (1g) secara intravena, jika perlu.

MEDICAL TREATMENT :

Chlorpyrifos is a cholinesterase inhibitor. Atropine sulphate (2-4 mg) intravenously or intramuscularly. Repeat every 30 minutes until the patient is fully atropinised. Then administer pralidoxime (1g) intravenously, if necessary.

PEKATAN TEREMULSI (EC)



RACUN ANAI-ANAI

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA

Kandungan Bersih : 4 liter

No. Pendaftaran : LRMP. R1/5390

Perawis Aktif	: chlorpyrifos	38.7% w/w
Perawis Lengai	:		61.3% w/w

Jika berlaku **KERACUNAN**, sila hubungi :
PUSAT RACUN NEGARA - 1 - 800 - 88 - 8099 (waktu pejabat)
- 012 - 430 9499 (lepas waktu pejabat)

BACA LABEL SEBELUM GUNA

Didaftarkan oleh :



IMP BIOTECH SDN. BHD. (Co. No. 4827041)
33A, Jalan 5, Kawasan 16, Taman Intan,
41300 Klang, Selangor, Malaysia.
Tel: 603 3345 3769 Faks : 603 3341 7089

用法指示：根據 1974 年法令，不遵守此用法指示，是一種違法行為。

害蟲	範圍	用藥量 / 10公升水	使用方法
白蟻	建築工地 (建築前)	130 毫升	噴射此藥液于地基洞以及曾經挖掘的洞，每平方公尺用 5 公升藥液。
		130 毫升	地面未打石灰前，先噴射此液。每平方公尺用 5 公升藥液。
白蟻	建築工地 (建築後)	130 毫升	每 40-60 公分鑽孔，利用注射機械將此液注于孔內。每公尺長的建築工地用 6 公升藥液。

有毒品
勿貯藏在靠近食品或兒童所接觸的地方

KELAS II

குஞ்சு
உணவுகளை மற்றும் குழந்தைகளுக்கு அருகில் வைக்காதீர்

KELAS II

BERACUN
JAUHKAN DARIPADA MAKANAN DAN KANAK-KANAK

KELAS II

POISONOUS
KEEP AWAY FROM FOODSTUFF AND CHILDREN

KELAS II